

UB 18.3.2016 A3

## Badminton

### eratkan hubungan

### UMSKAL dan YBs

### Ukhuwah Brunei

LABUAN: Perlawanan badminton persahabatan telah mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dengan Kelab YBs Ukhuwah dari Brunei Darussalam.

Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal mengalu-alukan kedatangan rombongan Kelab YBs Ukhuwah ke Wilayah Persekutuan Labuan amnya dan UMSKAL khususnya.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berharap hubungan persahabatan melalui perlawanan persahabatan itu dan aktiviti yang lain akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

"Kami amat mengalu-alukan kehadiran rombongan dari Kelab YBs Ukhuwah ke UMSKAL dan mengadakan jalinan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk sukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mengalu-alukan kehadiran rombongan Kelab YBs Ukhuwah sempena perlawanan badminton persahabatan dengan Pilihan UMSKAL di Dewan Utama, universiti itu, baru-baru ini.

Dr Geoffrey jugamengalu-alukan perlawanan sukan persahabatan dengan jabatan dan agensi kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) bagi mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin dengan UMSKAL sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang tunggal di WP Labuan.

Sementara itu, Pengerusi Kelab YBs Ukhuwah Awang Haji Abu Bakar Haji Mohd Don, mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian pihak UMSKAL menerima kunjungan mereka dan seterusnya mengadakan perlawanan badminton itu.

Seramai 19 orang pemain Kelab YBs Ukhuwah yang sebahagian besarnya terdiri daripada pesara pelbagai agensi kerajaan dan swasta Brunei Darussalam menyertai lawatan ke pulau bebas cukai itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pegawai Belia dan Sukan Kanan UMSKAL, Gabriel Moinjil.



**DR GEOFFREY (kanan)** menyampaikan cenderamata kepada Awang Haji Abu Bakar diperhatikan pemain UMSKAL dan YBs Ukhuwah (jersi biru kiri) di Dewan Utama UMSKAL, baru-baru ini.